



Submission date: 27/08/2020

Accepted date: 10/11/2020

BEBERAPA METODOLOGI PENDIDIKAN MELAYU-ISLAM: ANALISIS TERHADAP MANUSKRIP MSS 2906(A) *BAB AL-ADAB*

*Some Malay-Islamic Educational Methodology: An Analysis of Manuscript
MSS2906(A) Bab Al-Adab*

Mohd Anuar Mamat

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

anuarmamat@usim.edu.my

Abstract

The presence of Islam in the Malay Archipelago brings many changes, especially in the intellectual improvement of Malay society through educational institutions such as Quranic school and *pondok*. The educational institutions have successfully played an excellent role and have produced many scholars in various fields. Hence, this article aims to identify and analyse some Malay-Islamic educational methodology as understood by the Malays based on the manuscript of *Bab al-Adab* MSS 2906(A), held by the National Library of Malaysia. This article discussed on codicological analysis of the MSS 2906 concerning its origins, authorship and content. This article found that there are six educational methodologies mentioned by *Bab al-Adab* such as educational aim, learning preparation, knowledge integration, commitment in learning and apply various methods in acquiring knowledge. All these are aimed at exposing the roles and contributions of the Malay scholars in shaping the educational thought and methodology in the region as exemplified by various traditional educational institutions such as *pondok*, *pesantren*, *dayah* and *meunasah*.

Keywords: Educational methodology, Islamic education, Malay Archipelago, *Bab al-Adab*, manuscript studies.

Abstrak

Kehadiran Islam di Alam Melayu telah membawa pelbagai perubahan, khususnya aspek intelektual masyarakat Melayu melalui kewujudan pelbagai institusi pendidikan seperti pusat pengajian al-Quran (sekolah al-Quran) dan *pondok*. Institusi tersebut kemudian berjaya memainkan peranan yang cemerlang dalam melahirkan sarjana Melayu dalam pelbagai bidang keilmuan. Justeru, artikel ini bertujuan untuk

menganalpasti dan menganalisis beberapa metodologi pendidikan Islam Alam Melayu berdasarkan penelitian terhadap *Bab al-Adab* berteraskan naskhah MSS 2906(A), simpanan Perpustakaan Negara Malaysia. Artikel ini mengemukakan analisis kodikologi terhadap manuskrip MSS 2906 yang merangkumi asal-usul, kepengarangan dan kandungannya. Kajian ini mendapati terdapat enam metodologi pendidikan Islam yang diketengahkan oleh teks *Bab al-Adab*. Antaranya seperti tentang matlamat pendidikan, persediaan sebelum dan semasa pengajaran dan pembelajaran, pendekatan integrasi ilmu, komitmen belajar dan mengaplikasikan kepelbagaian kaedah dalam memperolehi ilmu. Kesemua ini bertujuan menzahirkan peranan dan sumbangan para ulama Alam Melayu dalam menggagaskan pemikiran dan metodologi pendidikan Islam untuk dijadikan panduan kepada sistem pendidikan tradisional di institusi seperti *pondok, pesantren, dayah* dan *meunasah*.

Kata kunci: Metodologi pendidikan, pendidikan Islam, Alam Melayu, *Bab al-Adab*, kajian manuskrip.

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan aspek penting kepada sesebuah tamadun dan bangsa. Pendidikan dan keilmuan akan menentukan kemajuan dan kecemerlangan sesebuah tamadun dan bangsa tersebut. Hal ini juga dapat diperhatikan kepada tamadun Melayu yang suatu ketika dahulu mencapai beberapa kemajuan yang membanggakan. Sejak hadirnya Islam ke Alam Melayu, pelbagai perubahan yang signifikan dapat ditelusuri dalam sejarah awal Alam Melayu. Pencapaian yang membanggakan dapat diperhatikan secara khususnya ialah aspek peningkatan intelektual masyarakat Melayu melalui penulisan dan institusi pendidikan (al-Attas, 2011; Mohd Asmadi, 2018).

Institusi pendidikan yang diasaskan pula berjaya memainkan peranan yang cemerlang dan melahirkan ramai para sarjana Alam Melayu dalam pelbagai bidang. Hal ini terbukti dengan perkembangan penulisan dan penghasilan manuskrip dalam pelbagai genre ilmu khususnya abad ke-15M hingga 19M (Harun *et.al*, 2002; Siti Hawa, 2010; Mohd Anuar, 2017). Kejayaan sesebuah institusi pendidikan dalam konteks pendidikan Islam bukan hanya merujuk kepada aspek fizikal dan material, bahkan yang lebih penting ialah nilai ilmu dan impaknya kepada masyarakat Alam Melayu (Wan Mohd Nor, 1998; 2019). Hal ini dipengaruhi oleh pemikiran dan metodologi pendidikan yang berkesan yang menjadi paksi kepada perjalanan sesebuah sistem pendidikan. Dalam konteks Alam Melayu, persoalan ini dapat dilihat melalui kajian dan analisa teks-teks awal-klasik Alam Melayu yang dihasilkan oleh para sarjana tempatan. Teks tersebut bukan sahaja memerihalkan aspek historiografi Alam Melayu, malah pemikiran dan metodologi pendidikan yang kemudiannya dijelmakan dalam pelbagai institusi pendidikan yang ada.

Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis beberapa aspek metodologi pendidikan Islam Alam Melayu pada awal perkembangannya melalui penelitian terhadap manuskrip. Manuskrip *Bab al-Adab* berteraskan naskhah MSS2906(A) dipilih sebagai fokus penulisan ini untuk dianalisis dengan lebih mendalam. Beberapa aspek penting berkaitan teks akan dibincangkan antara lain melibatkan asal-usul, kepengarangan dan kandungannya. Manakala beberapa metodologi pendidikan Islam akan diketengahkan. Antara lain merangkumi memahami matlamat dan tujuan pendidikan, persediaan sebelum dan semasa terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran, pendekatan integrasi ilmu-amal, kepentingan penumpuan dan fokus, kesungguhan dan mengaplikasikan pelbagai kaedah dan teknik dalam memperoleh ilmu dan kefahaman. Analisis aspek ini bertujuan untuk menzahirkan peranan dan sumbangan para ulama Alam Melayu dalam menggagaskan pemikiran dan metodologi pendidikan. Idea dan konsep tersebut berjaya membentuk tradisi ilmu masyarakat Islam Alam Melayu seterusnya dihayati secara turun temurun menerusi sistem pendidikan tradisional seperti pondok, pesantren, dayah, *meunasah* dan sebagainya.

Pengenalan dan Aspek Kodikologi Manuskrip *Bab Al-Adab* MSS2906 (A)

Pada bahagian ini penulis akan membincangkan tentang pengenalan dan beberapa aspek kodikologi manuskrip *Bab al-Adab*, khususnya bagi naskhah MSS2906(A). Berkenaan dengan judul manuskrip ini, terdapat pelbagai variasi yang ditemui. Namun begitu, ia masih merujuk kepada karya dan teks yang sama. Antara judul yang ditemui ialah *Kitab Adab*, *Bab Adab*, *Nazam Adab*, *Adab al-Muta'allim*, *Pesanan kepada orang yang menuntut ilmu*, *Kelebihan pada orang yang menuntut ilmu* dan juga *manzumah* (Mohd Anuar, 2017; M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018).

Berdasarkan variasi judul yang ada ini, kelihatan hampir semua catatan daripada kolofon mahupun katalog bersepakat menggunakan perkataan “*adab*” dalam judulnya, manakala judul yang paling kerap digunakan ialah *Bab al-Adab*. Oleh yang demikian, untuk tujuan penyeragaman, judul *Bab al-Adab* dipilih dan diselaraskan dalam penulisan artikel ini. Tambahan pula, dalam tradisi penulisan karya genre pendidikan Islam, kebanyakan para sarjana Islam menggunakan perkataan *adab* sebagai judul karya mereka (Mohd Anuar, 2109).

Secara umumnya, manuskrip ini merupakan sebuah karya kreatif berbentuk nazam mengenai perihal pendidikan dan pembelajaran khususnya kepada para pelajar yang baru ingin memulakan pengajian. Ia terdiri daripada sejumlah bait nazam yang dikarang dalam bahasa Arab dan disertai dengan terjemahan antara baris (*interliner translation*) serta syarahan ringkas dalam bahasa Melayu aksara Jawi. Agak sukar

untuk menentukan tarikh manuskrip ini ditulis disebabkan tidak terdapat kenyataan tentangnya, namun berdasarkan bukti yang ada, terutamanya struktur tulisan, gaya bahasa, kertas dan tera air, penulis menganggarkan kitab ini dikarang sekitar akhir abad ke-18M atau awal abad ke-19M. Manuskrip ini agak popular dalam kalangan masyarakat Melayu, terutamanya di Aceh pada suatu masa dahulu dan kerap diulang-salin (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018).

Hal ini terbukti menerusi kewujudan sejumlah besar naskhah karya ini yang masih tersimpan dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di samping koleksi-koleksi lain (Mohd Anuar, 2017; M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018). Sehingga kini, sekurang-kurangnya 25 buah naskhah karya ini dapat dikesan walaupun bilangan sebenar naskhah yang masih wujud mungkin lebih banyak. Daripada jumlah tersebut, 17 naskhah tersimpan di PNM, manakala selebihnya dalam perpustakaan awam dan koleksi peribadi di Malaysia, Indonesia dan Belanda. Perinciannya adalah seperti berikut:

Jadual 1: Manuskrip *Bab al-Adab* dalam pelbagai Koleksi Pusat Manuskrip.

Koleksi	Judul dan Nombor Manuskrip
Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Bab al-Adab</i>: MSS2378(H), MSS2906(A), MSS4291(A), MSS4315(D), MSS4331, MSS4627(B). • <i>Kitab Adab</i>: MSS3942(B), MSS4249(E), MSS4487(B). • <i>Nazam Adab</i>: MSS2908(A), MSS3328(A), MSS3941(I). • <i>Adab Muta‘allim</i>: MSS4571(B), MSS4696(D).
Muzium Kesenian Islam Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> • [<i>Kitab Bab al-Adab</i>]: IAMM1998.1.876. • <i>Bayan al-Adab li Talib al-‘Ilm ma‘a al-Mu‘allim wa al-Muta‘allim</i>: IAMM1998.1.125.
Museum Negeri Banda Aceh Indonesia	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Bayan al-Adab</i>: 07_00784. • <i>Bab al-Adab</i>: 07_01339.
Koleksi Tengku Mukhlis Pidie, Aceh Besar, Indonesia	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Adab al-Muta‘allim</i>: EAP 329/1/11.
KITLV Leiden Belanda	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Adab</i>: Or.110(F) .
The Royal Tropical Institute (KIT), Amsterdam Belanda	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Nazam Bab al-Adab</i>: KIT481/98(B). • <i>Bayan al-Adab</i>: KIT674/815(E).

Manakala dari aspek kepengarangan manuskrip ini pula, tidak dapat dipastikan identiti sebenar pengarangnya. Dalam bait ketiga nazam ini, dinyatakan seperti berikut:

وَبَعْدُ فَقَالَ عَبْدُهُ الْمُؤَافِقُ مُنْتَجِبٌ وَالِدُهُ الْمُؤَافِقُ

Adapun kemudian dari itu, maka telah berkata hamba Allah yang beroleh tolong ia daripada-Nya iaitulah Muntajib namanya. Bermula bapanya itu beroleh tolong jua ia daripada Tuhannya (MSS2906(A): f.1r.).

Daripada pernyataan ini dapat difahami bahawa pengarang nazam ini ialah seseorang yang bernama Muntajib. Di sini timbul kekeliruan mengenai identitinya sama ada nama yang dinyatakan ini adalah nama sebenarnya ataupun nama samaran sahaja. Ini kerana, perkataan Muntajib adalah satu bentuk kata nama yang tidak semestinya digunakan sebagai kata nama khas, sebaliknya juga merujuk kepada pelaku sesuatu perkara secara amnya (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018).

Walaupun terdapat pelbagai versi manuskrip yang merupakan variasi kepada *Bab al-Adab*, penulisan ini khasnya terfokus kepada naskhah MSS2906(A) koleksi PNM. Hal ini disebabkan berbanding naskhah-naskhah lain, naskhah ini mempamerkan beberapa ciri yang unik dan penting antaranya: ketekalan teks, kualiti ortografi Arab dan Jawi yang baik, usianya yang relatif awal berbanding naskhah lain, statusnya yang lengkap, dan penyusunan yang kemas serta terjemahan nazam dalam bahasa Melayu yang paling ekstensif seakan-akan ulasan (syarah) ringkas. Dari aspek fizikalnya, naskhah MSS2906 umumnya terdiri daripada 20 kuras berjahit namun tidak berkulit jilid dengan ketebalan 226+4 folio yang bersaiz 22.3 cm x 16.4 cm. Ia ditulis atas kertas laid Eropah yang berwarna putih kekuningan, berlubang-lubang kecil di kesemua halaman tanpa menjejaskan teks dan masih lagi dalam keadaan baik. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah tiga bulan sabit sederet dengan saiznya mengecil (*trelune*) dengan tanda kecil (*countermark*) VG dan PG. Folio 1r. agak kotor, lusuh dan berwarna kuning gelap disebabkan terdedah kepada asap, kotoran, air dan penggunaan yang kerap selain ketiadaan kulit jilid, namun tulisannya masih jelas dan boleh dibaca. Bilangan baris setiap folio ialah antara 15 dan 16 baris dan tulisan kemas dan konsisten (PNM, 2003: 25-26).

Dakwat tulisan pula berwarna hitam dengan rubrikasi pada perkataan Melayu tertentu dan ayat berbahasa Arab. Penggunaan kata penarik adalah konsisten dalam manuskrip ini. Tiada tanda kolasi yang dapat diperhatikan dalam manuskrip ini. Secara amnya, hampir kesemua jidar lembarannya tidak mempunyai glos dan catatan sampingan.

MSS2906 ini terdiri daripada tiga teks utama, *Bab al-Adab* merupakan teks yang paling awal iaitu [ff.1r.-6r], kedua *Tibyān al-Marām Talibah al-Ṭalabah*, [ff.7v.-93r.] dan *Nihāyah al-Tadrīb* [ff.95v.-226r.] (PNM, 2003: 25-26).

Manakala dari aspek kandungan secara umum, karya ini terdiri daripada sekurang-kurangnya 36 bait nazam dalam bahasa Arab yang disertai terjemahan dalam bahasa Melayu. Ini kerana, terdapat sebahagian naskhah karya ini yang menampilkan variasi dan penambahan dan pengurangan. Hal ini juga bukanlah sesuatu yang janggal dalam konteks kepengarangan sastera kreatif Melayu yang sering menyaksikan fungsi penyalin sebagai pengarang secara bersilih ganti (Muhammad, 1997; Ding, 2003; Noriah *et.al*, 2006).

Daripada perbincangan yang diketengahkan melalui bait-bait nazam tersebut jelas menunjukkan bahawa karya ini walaupun ringkas dan padat kandungannya, namun agak komprehensif cakupannya. Selain itu, penulis atau penterjemah nazam ini juga melakukan rujukan silang untuk menjelaskan kandungan karya ini di samping memberikan peluang kepada para pembaca untuk meneliti dengan lebih mendalam. Antara kitab yang dirujuk ialah kitab *Ṭalibah al-Ṭalabah* dan syarahnya, *Mudraj al-Sālikin*, *Uns al-Muttaqīn* dan sebagainya. Oleh yang demikian, beberapa aspek metodologi pendidikan Islam wajar dianalisis dalam manuskrip ini. Justeru, pada bahagian berikutnya, penulis akan kemukakan perbincangan berkenaan hal ini sebagai salah satu khazanah pemikiran dan keintelektualan Alam Melayu yang awal yang sepatutnya diketengahkan dan dinilai kerelevanannya dewasa ini.

METODOLOGI PENDIDIKAN ISLAM ALAM MELAYU DALAM MSS2906(A) BAB AL-ADAB

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas bahawa penerimaan Islam oleh masyarakat Alam Melayu telah membawa kepada perkembangan pendidikan dan proses pendemokrasian ilmu kepada segenap lapisan masyarakat. Oleh yang demikian, pada bahagian ini penulis akan membincangkan beberapa aspek metodologi pendidikan Alam Melayu yang terdapat dalam teks *Bab al-Adab*, naskhah MSS2906(A). Analisis ini merupakan salah satu pembuktian awal bahawa sarjana Islam di Alam Melayu amat mengambil perhatian terhadap perihal pendidikan Islam. Untuk mengelakkan berlaku kepelbagaian versi bacaan teks, penulis merujuk kepada teks yang telah selesai ditransliterasi, iaitu teks yang telah diterbitkan dalam Jurnal Filologi oleh Muhammad Mustaqim dan Mohd Anuar (2018).

Dalam teks *Bab al-Adab*, perkara pertama yang disentuh ialah tentang matlamat dan tujuan pendidikan. Hal ini selaras dengan disiplin ilmu pendidikan yang mana aspek tujuan ini merupakan perkara utama dan penting. Ia memberi pengaruh yang besar kepada pemikiran dan pelaksanaan pendidikan (Tyler, 1949; al-Shaybani, 1975;

Mursi, 1982). Merujuk kepada *Bab al-Adab*, tujuan pendidikan ini dinyatakan dengan jelas pada awal nazam lagi, iaitu bermula pada bait yang ke-4. Ini menunjukkan pentingnya aspek tujuan pendidikan dan keperihatinan pengarang terhadap isu ini. Oleh itu, metodologi pendidikan Islam yang terawal dapat disimpulkan ialah memahami matlamat dan tujuan pendidikan Islam itu sendiri.

Hal ini berdasarkan kepentingannya dan ia memberi pengaruh dalam beberapa bidang lain dalam sistem pendidikan. Tanpa memahami matlamat dan tujuan pendidikan, apa yang diusahakan tidak akan membuahkan hasil sebagaimana yang diharapkan, malah membawa pelbagai kepincangan dan kekeliruan dalam pengajaran dan pembelajaran. Apa yang diketengahkan oleh *Bab al-Adab* ini selaras dengan pandangan sarjana Islam seperti Imam Abū Ḥanīfah (2016) dan al-Zarnūjī (1986) akan kepentingan memahami matlamat dan tujuan pendidikan. Namun begitu, penulis tidak berhasrat untuk melanjutkan perbincangan ini disebabkan persoalan matlamat dan tujuan pendidikan ini akan dibahas dalam penulisan berasingan khususnya tentang falsafah pendidikan dalam *Bab al-Adab*.

Metodologi pendidikan Islam yang kedua pula dalam *Bab al-Adab* ialah berkaitan persediaan sebelum dan semasa terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran. Perkara utama pada fasa ini ialah persediaan spiritual sebelum belajar. Ia merangkumi keperluan menyucikan diri, memperbetulkan niat, memperteguhkan kesabaran dan menjauhi maksiat. Mengenai hal ini, pengarang *Bab al-Adab* menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146):

فَطَهِّرْ الْقَلْبَ وَصَحِّحِ النِّيَّةَ وَابْتَغِ بِالْأَسْبَابِ لَا الْأُمْنِيَّةَ

Maka sucikan oleh mu hai orang yang menuntut akan hati mu daripada segala sifat yang kecelaan pada Syarak dan sahihkan oleh mu akan niat mu dan tuntutan oleh mu akan ilmu itu dengan beberapa sebab jua, jangan dengan angan-angan.

Manakala pada bait yang ke-17 pula pengarang *Bab al-Adab* menyatakan hal yang hampir sama (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 149):

وَارْغَبْ عَنِ اللَّعَابِ وَالْمَلَاهِي فَالْعِلْمُ لَمْ يَحْصُنْ لِقَلْبِ الْلَاهِي

Dan jauhkan oleh mu hai orang yang menuntut ilmu daripada bermain-main dan perhiasan dari kerana keduanya itu digemarinya oleh syaitan. Maka ilmu itu tiada hasil ia pada hati orang yang lalai. Maka tiap-tiap hati yang lalai itu rumah syaitan.

Berdasarkan petikan di atas, jelas bahawa *Bab al-Adab* sangat menekankan akan persediaan spiritual dalam pendidikan. Seseorang pelajar perlu untuk menyucikan hatinya dan membetulkan niatnya dalam belajar. Hal ini merupakan perkara yang amat penting dan mengisyaratkan bahawa dengan sucinya hati dan niat yang tepat itu akan membawa kepada perolehan ilmu yang benar. Hal ini juga selaras dengan pandangan sarjana Islam yang menegaskan bahawa hati merupakan tempat simpanan ilmu. Syed Muhammad Naquib al-Attas (2015) umpamanya menjelaskan bahawa ilmu itu ialah ketibaan makna pada diri dan diri memperoleh makna tersebut (Wan Mohd Nor, 1998). Maka jelaslah bahawa hati memainkan perana yang penting dalam pemerolehan ilmu.

Di samping itu, persediaan spiritual seterusnya ialah memperteguhkan kesabaran dalam pendidikan. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa dalam usaha pengajaran dan pembelajaran terdapat pelbagai cabaran yang diperlu ditempuhi. Untuk menjamin pendidikan Islam mencapai hasilnya, *Bab al-Adab* menegaskan bahawa seseorang itu perlu mempunyai sifat sabar yang tinggi. Dengan kesabaran yang tinggi akan menatijahkan usaha yang berterusan dan kecekalan menghadapi pelbagai cabaran mendatang. Bagi penulis *Bab al-Adab*, kesabaran merupakan kunci yang menjamin kesungguhan dan istiqamah dalam pendidikan. Mengenai hal ini, *Bab al-Adab* menjelaskan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 148, 152):

وَاصْبِرْ عَلَىٰ مِرَارَةِ الدَّلِّ وَالْمَنِّ وَمَا أُصِيبَ مِنْ مَصَائِبِ الزَّمَنِ

Dan sabarkan oleh mu atas pahit kehinaan mu dan atas banyak angan-angan dan atas barang yang sampai akan dikau daripada bahaya pada masa itu. Maka barang siapa tiada sabar ia atas yang demikian itu, nescaya liarlah ilmu daripadanya.

وَطَوَّلِ الصَّبْرَ وَزِدْ إِضْرَامًا فَهُوَ سَبِيلُ مَنْ لَشَيْءٍ رَامًا

Dan lanjutkan oleh mu akan sabar mu dan tambah oleh mu akan kesakitan. Maka iaitulah jalan bagi barang siapa yang menghajat akan suatu.

وَاصْبِرْ عَلَىٰ الذَّلَّةِ وَالصَّغَارِي وَاطْلُبْ وَلَوْ بِالصِّينِ وَالْبُلْغَارِي

Dan sabarkan oleh mu atas kehinaan dan kecil martabat dan tuntutan oleh mu akan ilmu dan jikalau dalam negeri Cina dan Bulga sekalipun.

Selain persediaan aspek yang dinyatakan di atas, antara persediaan yang penting juga yang disebut oleh *Bab al-Adab* ialah keperluan penyediaan aspek material dalam pendidikan, khususnya perbelanjaan kewangan. Hal ini penting untuk memberikan

keselesaan dan fokus dalam belajar supaya keperluan asas para pelajar dapat dipenuhi. Penulis *Bab al-Adab* turut menerapkan kefahaman bahawa ilmu itu lebih berharga daripada harta, yang mana ilmu berkekalan dan memberi manfaat jangka panjang kepada pemiliknya berbanding harta yang berkemungkinan hilang, dicuri dan dipergunakan dengan cara yang salah. Oleh itu, menggunakan harta untuk sesuatu yang lebih bermanfaat, lebih baik dan lebih berharga merupakan usaha yang terpuji dan digalakkan dalam Islam. Kefahaman ini juga dapat diperhatikan dalam beberapa karya Alam Melayu yang lain khususnya *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* ('Ali, t.t.) yang menukilkan kata-kata Sahabat Nabi SAW, iaitu 'Alī *karrama Allāh wajhah*. Mengenai keperluan membelanjakan harta ini *Bab al-Adab* menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 147):

وَاصْرِفْ لَهُ دَرَاهِمًا وَذَهَبًا فَمَا سِوَاهُ كُلِّ شَيْءٍ ذَهَبًا
Dan belanjakan oleh mu kerana engkau menuntut itu
akan beberapa dirham dan emas. Maka barang yang lain
daripada ilmu daripada tiap-tiap suatu itu hilang.

Metodologi pendidikan Islam dalam *Bab al-Adab* yang ketiga ialah pendekatan integrasi ilmu yang dipelajari. Antara aspek integrasi yang utama diketengahkan ialah integrasi antara ilmu dan amalan. Ilmu yang dipelajari hendaklah disertai dengan amalan yang sempurna dan berkualiti. Mengenai hal ini, pengarang *Bab al-Adab* menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146 & 150):

وَأَدِّ مَا عَلَيْكَ مَفْرُوضٌ بِلَا إِدْخَالِ تَقْصَانٍ فَذَا مَا قُبُلًا
Dan tunaikan oleh mu akan barang yang telah difardukan
Allah atas mu dengan tiada memasukkan kekurangan.
Maka inilah yang diterimakan.

وَأَنْشُرْ لِمَا تَعَلَّمَهُ وَاعْمَلْ بِهِ فَمَا لِعَاصِ فَيُضْ فَضْلَ رَبِّهِ
Dan hamburkan oleh mu akan ilmu yang engkau ketahui
akan dia dan amalkan oleh mu dengan dia. Maka tiadalah
bagi orang yang 'āsī itu beroleh limpah kurnia Tuhannya.
Dan tersebut dalam hadis: “barang siapa mengamalkan
seperti ilmunya, nescaya dikurniai Allah akan dia ilmu
dengan tiada lelah payah”. Dan tersebut dalam *Uns al-
Muttaqīn*: barang siapa derhaka akan Allah dan rasul-Nya,
nescaya tiadalah dikurniai Allah akan dia ilmu.

Berdasarkan dua bait nazam di atas, jelas menunjukkan bahawa aspek integrasi ilmu-amal amat ditekankan oleh penulis *Bab al-Adab*. Beliau secara jelas mengaitkan integrasi ilmu-amal ini dengan ilmu yang sebenar dan kemanfaatan ilmu tersebut. Hal

ini bermaksud ilmu yang benar dan memberi manfaat ialah ilmu yang difahami dengan jelas, diyakini dan mampu menyumbang kepada amalan yang berkualiti. Ia bukan sahaja terhenti pada tahap itu sahaja, malah ilmu tersebut pula dihamburkan, yang bermaksud perlu disebar dan diajarkan kepada orang lain. Kefahaman yang dikemukakan ini sebagai salah satu metodologi pendidikan Islam adalah selaras dengan apa yang diketengahkan oleh sarjana Islam, bermula dengan Imam Abū Ḥanīfah pada kurun ke-2H sehinggalah kurun ke-11H (Mohd Anuar, 2013; 2016).

Di samping itu, metodologi pendidikan Islam yang keempat ialah kepentingan penumpuan dan fokus yang mendalam dalam memperolehi ilmu. Penumpuan dan fokus dalam usaha memperolehi ilmu ini hendaklah bermula dengan memahami bahawa ilmu ini merupakan sesuatu yang amat bernilai. Penulis *Bab al-Adab* berpesan dengan katanya (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 147):

وَوَقِّرِ الْعِلْمَ وَعَظِّمْ شَأْنَهُ وَاجْتَنِبِ الْفِسْقَ فَذَاكَ شَأْنُهُ

Dan muliakan oleh mu akan ilmu dan kau besarkan hendaknya. Dan jauhkan oleh mu akan pekerjaan yang jadi fasiq engkau itu dengan dia. Maka yang demikian itulah hendaknya.

Manakala pada bait ke-20 dan 21 pula (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 149), beliau turut menjelaskan supaya para pelajar menumpukan perhatian sepenuhnya untuk belajar dan tidak terlibat dengan urusan yang boleh menjejaskan pembelajaran sehingga mereka hilang fokus dalam mencari ilmu. Mereka dinasihatkan mengurangkan penglibatan dengan perkara lain selain belajar, seperti berniaga, berkebun dan sebagainya. Hal ini juga dapat diperhatikan dalam pemikiran pendidikan Imam Abū Ḥanīfah. Beliau asalnya seorang peniaga kain sutera, kemudiannya menumpukan perhatian dalam pembelajaran dan menyerahkan perniagaannya kepada rakan kongsi yang dipercayai (Mohd Anuar, 2016). Begitu juga halnya dengan Imam Abū Yūsuf yang dibiayai oleh gurunya Imam Abū Ḥanīfah supaya beliau boleh menumpukan sepenuh perhatian dalam pembelajaran (Mohd Anuar, 2014). Mengenai keperluan fokus dalam belajar sebagai salah satu metodologi pendidikan Islam, penulis *Bab al-Adab* menjelaskan:

وَعَطِّلِ الْبُسْتَانَ وَالذُّكَّانَ وَخَلِّ كُلَّ كَائِنٍ مَنْ كَانَ

Dan sia-siakan oleh mu akan eumpoh (kebun) mu dan akan kedai mu dan sunyikan oleh mu akan segala perkara yang ada ia bagi barang yang sudah ada ia.

وَعَزَّلَ النَّفْسَ عَنِ الْمَصَالِحِ فَالْتَمَعْلُ لِلطَّالِبِ غَيْرِ الصَّالِحِ

Dan tegakkan oleh mu akan diri mu daripada membaikkannya. Maka bimbang itu tiadalah patut ia bagi orang yang menuntut ilmu.

Selain aspek perhatian dan fokus dalam pembelajaran, penulis *Bab al-Adab* seterusnya menjelaskan metodologi pendidikan Islam yang kelima, iaitu kesungguhan dalam menuntut ilmu. Kesungguhan ini merangkumi aspek penyediaan material, kesanggupan membelanjakan harta dan masa, aspek spiritual, semangat dan kesabaran. Mengenai keperluan membelanjakan harta dan kesabaran telah penulis bincangkan di atas mengenai penyediaan aspek material dan spiritual dalam belajar. Penulis *Bab al-Adab* memulakan penjelasan mengenai punca bagaimana kesungguhan dalam belajar dapat diperoleh. Beliau menyatakan kesungguhan itu adalah lahir daripada kesedaran dan kefahaman pelajar itu sendiri. Mereka sepatutnya menyedari akan kepentingan dan nilai ilmu serta akibat jika tidak mempunyai ilmu. Berdasarkan pernyataan ini dapat disimpulkan bahawa penulis *Bab al-Adab* amat menekankan aspek motivasi dalaman (*intrinsic motivation*) sebagai pendorong utama kepada pembelajaran. Beliau menjelaskan bahawa sesuatu kejayaan itu akan tercapai dengan kesungguhan dan jika tiada kesungguhan, maka reda lah menjadi seperti keldai. Mengenai hal ini, *Bab al-Adab* menyatakan (M. Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 148):

وَجَدَّ فِي الطَّلَابِ جِدًّا أَنْ يَجِدَ وَقِيلَ فِي الْمُطَلِّبِ مَنْ جَدَّ يَجِدُ

Dan sungguhkan oleh mu pada menuntut ilmu dengan sempurna sungguh, maka bahawa mendapat ia akan dia. Dan kata orang dalam Kitab yang bernama *Muṭlab*: barang siapa bersungguh-sungguh pada suatu, nescaya didapatnyalah akan dia.

وَحَذُّ وَكُنْ مُجْتَهِدًا إِعْمَارًا وَأَرْضَ بِالْجَهْلِ وَعَيْشَ جَمَارًا

Dan ambil oleh mu akan ilmu dan jadikan diri mu bersungguh-sungguh hal keadaan engkau beramai, dan nama oleh mu akan diri mu bebal dan hidup mu seperti keldai.

Metodologi pendidikan Islam yang keenam dan terakhir ialah menggunakan pelbagai kaedah dan teknik untuk memperoleh ilmu. Ilmu yang diperoleh pula perlu dihafaz dan seterusnya difahami. Agak menarik dikemukakan di sini bahawa penulis *Bab al-Adab* ini amat menekankan aspek kefahaman dalam pembelajaran. Hal ini menolak pendapat bahawa dalam tradisi pendidikan Alam Melayu yang awal atau institusi

pondok misalnya, ia hanya menekankan aspek hafazan semata-mata (Rosnani, 2010). Mengenai hal ini, penulis *Bab al-Adab* menjelaskan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 148-149):

وَجَمَعَ الْفَهْمَ مَعَ الْحِفْظِ فَقَدْ يُحْصِلُ الْعِلْمَ بِهِدْيَيْنِ فَقَطْ

Dan himpunkan oleh mu akan faham serta hafaz kerana bahawasanya hasil lah ilmu itu dengan dua perkara ini jua maka hanyalah.

وَحَقَّقَ الْمُشْكَلَ وَالْمُؤَوَّلَا وَاتَّبَعَ الْأَفْوَاهَ وَالسَّوَادِلَا

Dan tahkikkan oleh mu akan masalah yang musykil dan masalah yang bertakwilkan dan ikut oleh mu akan segala perkataan guru mu dan jangan kau ikut akan suratan.

Seterusnya *Bab al-Adab* mencadangkan untuk memperoleh kefahaman dalam ilmu ini para pelajar perlu mempraktikkan beberapa teknik atau formula yang dinyatakan oleh penulis. Antaranya ialah dengan mengaplikasikan teknik penyelesaian untuk memastikan kefahaman yang baik. Penulis *Bab al-Adab* memilih konotasi ‘*tahkik*’ yang bermaksud menyiasat dan mendalami pelbagai persoalan sehingga jelas. Di samping itu, dengan menggunakan teknik soalan ini, bukan sahaja dapat memahami ilmu dengan baik malah mampu merungkai permasalahan yang susah serta menggabung jalin antara permasalahan dengan jawapan (Mohd Anuar, 2014). Mengenai hal ini, penulis *Bab al-Adab* menjelaskan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 150):

وَسَلَّ وَذَاكِرًا صَادِرًا أَوْ وَارِدًا وَخُذْ وَقُلْ وَقَيِّدِ الشُّوَارِدَا

Dan tanyai oleh mu orang yang menuntut dan beringat-ingat oleh mu akan orang yang mempunyai ilmu atau orang yang berdatangkan faham dan masalah dan lagi kau tanyai dan kau ingatkan akan masalah yang terbit daripada faham atau masalah yang datang kepada mu dan ambilkan oleh mu dan katakan oleh mu dan kaitkan oleh mu akan segala masalah yang sukar-sukar dan yang liar-liar.

Selain itu, antara teknik lain yang boleh digunakan untuk memperoleh kefahaman ialah dengan menganggap bahawa ilmu yang mula-mula dipelajari itu belum tepat dan memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Hal ini akan mendorong pelajar untuk terus mendalami ilmu dan juga bersikap tawaduk semasa belajar. Manakala teknik yang terakhir yang dicadangkan dalam *Bab al-Adab* ialah dengan menjaga diri dan mengelakkan daripada melakukan perkara yang menjejaskan kefahaman dan mendorong kepada lupa. Walaupun penulis *Bab al-Adab* tidak menyatakan secara

spesifik perkara tersebut namun ia merupakan prinsip asas kepada pelajar dan dalam karya-karya Alam Melayu aspek ini juga dibicarakan dengan lebih terperinci seperti kitab *Tibyān al-Marām*, *Pelita Penuntut*, *Jawharah Mawhūb* dan sebagainya. Mengenai teknik tersebut, penulis *Bab al-Adab* menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 150):

وَأُظِنُّ فِيكَ عَادِمَ النَّصَابِ وَإِنْ تَصِرْ كَصَاحِبِ أُوصَابِ
Dan sangkakan akan ilmu yang telah ada pada mu itu
ketiadaan betul dan jika jadi engkau seperti orang yang
mempunyai beberapa ilmu sekalipun.

وَاخْتَمَّ مَا يُقَالُ الْفَهْمَ وَمَا يَزِيدُ فِي النَّسِيَانِ أَوْ يُبْدِي عَمَّا
Dan tinggalkan oleh mu akan pekerjaan yang
mengurangkan faham dan pekerjaan yang menambah
akan lupa mu dan pekerjaan yang membutuhkan mata
hati mu.

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat enam metodologi pendidikan Islam utama yang dikemukakan dalam teks manuskrip Melayu MSS 2906(A), *Bab al-Adab*. Antara lain ialah memahami matlamat dan tujuan pendidikan, persediaan sebelum dan semasa terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran, pendekatan integrasi ilmu-amal, kepentingan penumpuan dan fokus, kesungguhan dan mengaplikasikan pelbagai kaedah dan teknik dalam memperoleh ilmu serta kefahaman. Hal ini menjelaskan walaupun manuskrip *Bab al-Adab* ini hanya ditulis dengan ringkas, namun ia agak komprehensif dan padat. Beberapa metodologi pendidikan Islam yang dikemukakan di atas kelihatan selaras dengan tradisi pendidikan Islam yang dinyatakan oleh sarjana pendidikan Islam. Antaranya seperti Imam Abū Ḥanīfah dan al-Zarnūjī, manakala beberapa karya Alam Melayu abad ke-18M dan 19M juga kelihatan selaras dengan apa yang dikemukakan oleh *Bab al-Adab*. Hal ini membuktikan *Bab al-Adab* ini sebagaimana yang disentuh pada analisis kodikologi di atas sesuai dijadikan sebagai karya awalan dan kefahaman awal sebelum para pelajar mengikuti sistem pendidikan Islam dan menelaah karya yang lebih ekstensif terutamanya *Ṭalibah al-Ṭalabah* dan syarahnya yang disentuh secara tidak langsung dalam anotasi karya ini.

KESIMPULAN

Berdasarkan penulisan di atas boleh disimpulkan di sini bahawa manuskrip *Bab al-Adab* merupakan antara karya penting pendidikan Islam Alam Melayu. Perbincangan yang diutarakan adalah ringkas dan padat, namun memadai sebagai karya asas yang mengandungi perbincangan tentang pendidikan khususnya aspek metodologi pendidikan Islam. Ia boleh dikategorikan sebagai teks awalan kepada pelajar yang baru memulakan pengajian mereka. Strukturnya yang ringkas dan padat selain

persembahan teksnya dalam bentuk nazam berirama lebih mudah dihafal dan difahami oleh sesiapa sahaja tanpa mengira usia dan latar belakang pendidikan mereka. Setelah mereka menguasai dan memahaminya dengan baik, barulah para pelajar disarankan merujuk kepada karya-karya yang lebih ekstensif sebagai teks lanjutan dalam bidang pendidikan seperti *Ṭalibah al-Ṭalabah* dan syarahnya.

Terdapat enam metodologi pendidikan Islam yang utama dikemukakan dalam manuskrip *Bab al-Adab* ini. Metodologi ini agak menarik untuk dikaji lebih lanjut dan agak komprehensif. Ia juga selaras dengan tradisi pendidikan Islam yang dikemukakan oleh para penulis dan sarjana terdahulu khususnya Imam Abū Ḥanīfah dan al-Zarnūjī serta beberapa sarjana lain yang perlu dikaji lanjut seperti al-Ghazālī, Ibn al-Jawzī dan juga Ibn Jamā’ah. Hal ini menjelaskan bahawa pemikiran pendidikan Alam Melayu ini berteraskan sumber yang tepat daripada karya-karya agung terdahulu di samping kreativiti penulis tempatan. Hal ini menjamin pendidikan Islam Alam Melayu dahulu mampu membina pelajar yang holistik dalam mendepani pelbagai cabaran semasa, melahirkan sarjana Islam terkemuka dan mampu membangunkan tamadun Melayu yang disegani.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan edisi terkini dan kemaskini daripada kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Serantau Pengajian Tinggi Islam (SeIPTI 2019). Ia juga merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan penulis di bawah peruntukan Geran Penyelidikan USIM 2018 (PPPI/FPQS/0118/051000/14818). Penulis merakamkan ribuan terima kasih atas inisiatif USIM yang membiayai kajian ini.

RUJUKAN

- Abū Ḥanīfah. (2016). *Kitab al-‘alim wa al-muta‘allim*, dalam Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-‘alim wa al-muta‘allim*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.
- ‘Ali bin ‘Abd al-Rahman al-Kelantani. (t.t.). *al-Jawhar al-mawhūb wa munabbihāt al-qulūb*. Pulau Pinang: al-Mu‘arif.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2011). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. (2015). *Himpunan risalah*. Kuala Lumpur: IBFIM & CASIS.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥamad. (2011). *Iḥyā’ ‘ulūm al-dīn*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Shaybānī, ‘Umar Muḥammad al-Tūmī. (1975). *Falsafah al-tarbiyyah al-Islāmiyyah*. Tarablus: al-Sharkah al-‘Āmmah li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn. (1986). *Ta’līm al-muta‘allim ṭarīq al-ta‘allum*. Muṣṭafā ‘Āshūr (ed.). Bulaq: Kaherah.
- Anonim. *Bab al-adab*. (MSS2906A). Kuala Lumpur: PNM.

- Anonim. *Tibyān al-marām ṭalibah al-ṭalabah*. (MSS2906B). Kuala Lumpur: PNM.
- Deroche, Francois, *et.al.* (2006). *Islamic codicology: an introduction to the study of manuscripts in Arabic script*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian manuskrip Melayu: Masalah, kritikan dan cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Ab. Rahman Kaeh dan Jamilah Ahmad. (2002). *Traditional Malay literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn la-Jawzī. (1992). *Laffat al-kabad fi naṣīḥat al-walad*, ed. Ashraf bin 'Abd al-Maqṣūd. Isma'iliyyah: Maktabah al-Imām al-Bukhārī.
- Islamic Arts Museum Malaysia (IAMM). (2010). *Handlist of Malay manuscripts in the Islamic arts museum Malaysia: JAKIM Collection*. Kuala Lumpur: IAMM.
- M.Mustaqim Mohd Zarif & Mohd Anuar Mamat. (2018). *Bab al-adab* (MSS2906A): Analisis dan transliterasi beranotasi sebuah nazam mengenai adab belajar. *Jurnal Filologi Melayu*, 25, 132-152.
- Mohd Anuar Mamat. (2013). Meningkatkan kualiti amalan sebagai tujuan pendidikan Abū Ḥanīfah: Suatu analisis perbandingan. *Jurnal Usuluddin*, 37, 1-32.
- _____. (2014). Teknik soal-jawab dalam pengajaran imam Abū Ḥanīfah (m.150H/767M): Suatu Analisis terhadap *kitab al-'ālim wa al-muta'allim*. *Online Journal of Islamic Education (O-JIE)*, isu khas, 1-12.
- _____. (2016). *Pemikiran pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Al-'Ālim wa al-muta'allim*. Kuala Lumpur: CASIS-HAKIM.
- _____. (2017). Manuskrip Melayu dalam bidang pendidikan Islam: Suatu kajian awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15, 66-88.
- _____. (2019). Perkembangan penulisan karya *Adab Al-'Ālim* oleh sarjana Islam: Satu sorotan ke arah penentuan sumber kepada etika profesion perguruan dalam Islam”, *Jurnal al-'Abqari*, 18, 60-80.
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2014). Adab-adab guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap *Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 7, 97-130.
- Mohd Asmadi Yakob. (2018). *Keintelektualan Melayu dalam manuskrip dan kitab jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (1997). Memperbaharui pengarang, dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 183-210.
- Mursī, Muḥammad Munīr. (1982). *Falsafah al-tarbiyyah ittijāhuhā wa madārisuhā*. Kaherah: 'Ālam al-Kutub.
- Noriah Mohamed & Yusmilawati Yunos. (2006). Perlambangan dalam teks campur bawur. *Jurnal Filologi Melayu*, 14, 129-156.

- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). (2003). *Katalog manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Ketiga*. Kuala Lumpur: PNM.
- Rosnani Hashim. (2010). *Reclaiming the conversation: Islamic intellectual tradition in the Malay archipelago*, Kuala Lumpur: The Other Press.
- Siti Hawa Salleh. (2010). *Malay literature of the 19th century*, terj. Quest Service. Kuala Lumpur: ITNM.
- Tyler, Ralph W. (1949). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- _____. (2019). *Budaya ilmu: Makna dan manifestasi dalam sejarah dan masa kini*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.